

**BAHAGIAN PERUMAHAN
PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN**

**KENYATAAN TAWARAN
Tawaran Khas Kepada Kontraktor Bumiputera**

NO. SEBUTHARGA : **SBH.BP 6/2018**

BERTARIKH: **10 JULAI 2018**

1. Tawaran adalah dipelawa bagi Kontraktor-kontraktor yang berdaftar dengan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia CIDB dan masih dibenarkan untuk menyertai sebutharga berikut :-

SIJIL/KOD BIDANG	TAJUK KERJA	LAWATAN TAPAK
CIDB G1 (CE01) PEMBINAAN JALAN DAN PAVEMEN	CADANGAN KERJA-KERJA MENAIKTARAF JALAN DI TAMAN BUNGA LAWANG (RPA SIMPANG EMPAT II) DAN TAMAN BUNGA TEROMPET (RPA SIMPANG EMPAT LAMA), PERLIS	TARIKH : 18 JULAI 2018 (RABU) MASA : 10.30 PAGI TEMPAT : (RPA SIMPANG EMPAT) TAMAN BUNGA TEROMPET DAN BUNGA LAWANG

2. Kontraktor Bumiputera hendaklah mengemukakan sijil-sijil berikut yang **masih sah** tempohnya untuk semakan sebelum dibenarkan membeli dokumen sebutharga :-

- i) **SIJIL AKUAN PENDAFTARAN SYARIKAT DENGAN LEMBAGA PEMBANGUNAN INDUSTRI PEMBINAAN MALAYSIA (CIDB)**
- ii) **SIJIL AKUAN SIJIL PEROLEHAN KERJA KERAJAAN (SPKK) DENGAN LEMBAGA PEMBANGUNAN INDUSTRI PEMBINAAN MALAYSIA (CIDB)**
- iii) **SEKIRANYA PIHAK KONTRAKTOR PERLU MENDAPATKAN KEBENARAN KHAS DARI CIDB, SURAT KEBENARAN KHAS PERLU DI KEMUKAKAN PADA HARI LAWATAN TAPAK**

Satu salinan sijil diatas (tidak dikembalikan) dan hendaklah dikemukakan untuk simpanan Bahagian Perumahan semasa membeli dokumen. Bahagian Perumahan berhak menolak permohonan yang pada tanggapan Bahagian Perumahan tidak layak.

3. Dokumen tawaran sebutharga boleh dibeli dengan harga **RM10.00** secara TUNAI dan tidak akan dikembalikan di Kaunter Hasil, Bahagian Perumahan di alamat Tingkat Bawah, Blok A, Bangunan Dato' Mahmud Mat, Kompleks Pejabat-Pejabat Kerajaan, 01000 Kangar, Perlis pada waktu pejabat **sebelum jam 3.00 petang** mulai **18 JULAI 2018 (RABU)** hingga **25 JULAI 2018 (RABU)** di Kaunter Bahagian Perumahan, Kompleks Pejabat-Pejabat Kerajaan Negeri Perlis. **Satu (1) penyebutharga hanya dibenarkan membeli satu (1) dokumen sebutharga dan menggunakan satu (1) tawaran sahaja.**
4. **HANYA PEMILIK LESEN SAHAJA DIWAJIBKAN** mengikuti lawatan tapak yang akan diadakan pada tarikh dan masa yang ditetapkan seperti diatas. Untuk tujuan ini kontraktor adalah dikehendaki melaporkan diri di kawasan yang ditetapkan dengan mengemukakan **SIJIL AKUAN PENDAFTARAN SYARIKAT DENGAN LEMBAGA PEMBANGUNAN INDUSTRI PEMBINAAN MALAYSIA (CIDB)** dan **KAD PENGENALAN** untuk pengesahan.
5. Dokumen tawaran yang telah dipenuhi dengan sempurna, hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat berlakri dan bertulis No. Sebutharga di sebelah kiri sampul dan ditengahnya ditulis tajuk sebutharga dan dimasukkan ke dalam Peti Tawaran Sebutharga di Bahagian Perumahan, tidak lewat dari jam **12.00 TENGAHARI PADA 26 JULAI 2018 (KHAMIS)** Sebutharga yang dihantar melebihi jam 12.00 tengahari akan **DITOLAK**. Permohonan-permohonan dan pengambilan borang yang lewat daripada tarikh disebutkan diatas tidak akan dilayan.
6. Pentadbiran ini tidak terikat menerima tawaran yang terendah sekali atau mana-mana tawaran. Pentadbiran ini juga berhak untuk membatalkan atau menunda atau menggantung tawaran diatas secara keseluruhan atau sebahagian sebelum atau selepas tarikh dan masa tutup tawaran tanpa menyatakan sebab diatas keputusan tersebut.
7. Maklumat berkenaan Iklan Tawaran Sebutharga ini juga boleh dilayari di <http://www.perlis.gov.my>

**YANG BERTAMBAH,
SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI PERLIS.**